

# PM mahu Komanwel lebih berkesan

U.M 21 OCT 1993 Overseas Mip

**V**ALLETTA (Malta) 20 Okt. — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini, Malaysia mahu Komanwel, sebagai sebuah pertubuhan antarabangsa, membincangkan perkembangan semasa dunia.

Malaysia, katanya, mempunyai beberapa perkara yang dirasakan perlu diutamakan pada peringkat Komanwel - antaranya ialah isu Bosnia-Herzegovina.

Bercakap kepada wartawan Malaysia sebelum berlepas ke Cyprus untuk menghadiri Persidangan Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) selepas lawatan rasmi dua hari ke Malta, Dr. Mahathir berkata, Malaysia boleh memainkan peranan

untuk menjadikan Komanwel, satu gabungan longgar yang dianggotai Britain dan 50 negara bekas jajahannya, lebih berkesan.

Beliau juga berkata, Malaysia mempunyai pelbagai cadangan ke arah ini, contohnya dalam bidang pemindahan teknologi.

Malaysia telah diminta memperkerusi sebuah jawatankuasa untuk mengkaji pembentukan semula CHOGM.

Selepas persidangan akhbar itu, Dr. Mahathir dan Datuk Seri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali berlepas ke Cyprus.

Mereka meneruskan perjalanan ke Cyprus dengan sebuah pesawat lain

■ Lihat muka 2

# PM mahu Komanwel lebih berkesan

J.M. 21 OCT 1993

Jawatannya telah berpecah. Menteri Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang dinaiki dari Kuala Lumpur terpaksa ditinggalkan di London dalam perjalanannya ke Malta akibat masalah teknikal.

Semasa di sini, Dr. Mahathir mengadakan pertemuan dengan Presiden Malta, Dr. Censu Tabone dan rakan sejawatannya Eddie Fenech-Adami.

Sementara itu di LIMA-SOL, Cyprus, wartawan *Utusan Aziz Ishak* melaporkan, perkembangan di Afrika Selatan akan menjadi agenda utama dalam Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) yang akan bermula esok.

Tumpuan utama akan diberikan terhadap isu itu memandangkan impian untuk melihat Afrika Selatan bebas dari dasar aparteid sebagaimana yang diperjuangkan oleh Komanwel selama ini, hampir menjadi kenyataan.

Jurucakap Sekretariat Komanwel itu memberitahu, walaupun isu Afrika Selatan nampaknya terus 'menguasai' CHOGM setiap kali ia diadakan, namun

keadaannya berlainan kali ini.

Ini, kerana negara itu yang sekarang dalam peralihan kepada kerajaan yang dipilih oleh rakyat menerusi pilihanraya umum yang akan diadakan April tahun depan, memerlukan 'gerakan terakhir' dari Komanwel.

Ketua-ketua kerajaan juga akan membincangkan bagaimana Komanwel boleh membantu memulihkan negara itu menerusi mesyuarat peringkat teknikal yang diadakan.

CHOGM ke-29 ini dijangka memutuskan untuk menjemput negara itu menyertai semula Komanwel.

Dalam ucapan keenam-enam pemimpin Komanwel esok, termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, kesemua mereka akan menyentuh mengenai isu dan perkembangan di Afrika Selatan.

Perkembangan ini menunjukkan walaupun pemimpin kulit hitam, Nelson Mandela tidak dapat menghadiri CHOGM di Cyprus, namun Komanwel tetap menggerakkan usahanya bagi membebaskan negara

itu dari belunggu dasar aparteid.

Mandela dalam pertemuan dengan Menteri-Menteri Luar Komanwel termasuk Datuk Abdullah Ahmad Badawi baru-baru ini melahirkan keyakinan bahawa pilihanraya akan berjalan lancar mengikut jadual walaupun bimbang mengenai keganasan.

Selain itu, tuan rumah Cyprus, akan menekankan soal pencerobohan Turki ke atas sebahagian daripada wilayah negara tersebut.

Bagaimanapun, Setiausaha Agung Komanwel, Chief Emeka Anyaoku, menegaskan, isu Cyprus sememangnya akan dibincangkan secara intensif tetapi tidak bermakna ia akan menguasai CHOGM kali ini.

Turut menjadi agenda utama ialah Rundingan Perdagangan Pelbagai hala Pusingan Uruguay.

Dr. Mahathir sendiri dijangka melahirkan kebimbangan terhadap senario yang ada yang dikhuatiri boleh meningkatkan dasar perlindungan perdagangan oleh negara-negara maju.